

TEKS UCAPAN
YB MENTERI PENGANGKUTAN
MAJLIS PELANCARAN INISIATIF TELEMATIK BAGI
KENDERAAN PERDAGANGAN

[Salutasi]

- Yang Berhormat **Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah**
Timbalan Menteri Pengangkutan
- Yang Berbahagia **Dato' Seri Jana Santhiran Muniayan**
Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
- Yang Berbahagia **Dato' Aedy Fadly bin Ramli**
Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia
- Yang Berusaha **Tuan Ahmad Radhi bin Maarof**
Ketua Pengarah APAD
- Yang Berusaha **Prof. Ir. Dr. Siti Zaharah Ishak**
Ketua Pengarah MIROS
- Yang Berusaha **En Abdul Rahman Yasir**
Ketua Pegawai Eksekutif BSmart System Solution Sdn.
Bhd

Syarikat-Syarikat penyedia sistem telematik,

Rakan-rakan media,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Salam sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang hadir pada hari ini sempena Majlis Pelancaran Inisiatif Telematik bagi Kenderaan Perdagangan, bagi memperkukuh agenda keselamatan jalan raya negara.
2. Setiap hari, ribuan bas, lori dan kenderaan perdagangan berada di atas jalan raya membawa penumpang, barangan dan keperluan harian rakyat. Sektor ini penting kepada ekonomi negara, tetapi apabila kenderaan perdagangan terlibat dalam kemalangan, impaknya boleh menjadi sangat besar.
3. Sebab itu, Kerajaan tidak boleh hanya bergantung kepada pendekatan lama yang bersifat reaktif, iaitu bertindak selepas kesalahan berlaku atau selepas kemalangan terjadi. Kita mesti bergerak kepada pendekatan yang lebih awal, lebih pintar dan lebih berasaskan data.

4. Kita perlu mengenal pasti risiko sebelum ia menjadi tragedi. Inilah tujuan utama inisiatif telematik yang kita lancarkan pada hari ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

5. Telematik ialah teknologi pintar yang menggabungkan sistem GPS, sensor kenderaan dan komunikasi data bagi membolehkan pemantauan operasi kenderaan secara masa nyata. Melalui teknologi ini, parameter seperti kelajuan, brek mengejut, pecutan agresif, tempoh pemanduan dan corak pergerakan kenderaan boleh direkod serta dianalisis secara berterusan.

6. Dengan kata lain, telematik bukan sekadar sistem untuk melihat lokasi kenderaan. Ia membolehkan operator memahami bagaimana sesebuah kenderaan dipandu, bagaimana risiko berlaku, dan bagaimana tindakan pembetulan boleh dibuat dengan lebih cepat.

7. Data yang diperoleh melalui sistem ini juga boleh diterjemahkan kepada penilaian prestasi pemandu atau *driver scorecard*. Ini membolehkan tingkah laku pemanduan dinilai secara lebih objektif, telus dan berasaskan bukti.

8. Sekiranya pemandu memandu melebihi had laju, sistem boleh memberi amaran kepada operator. Jika berlaku brek mengejut, pecutan agresif atau kenderaan keluar daripada laluan yang ditetapkan, perkara tersebut boleh direkod dan dianalisis.

9. Ini adalah perubahan penting. Kita mahu keselamatan menjadi sebahagian daripada pengurusan operasi harian industri, bukan sekadar tindakan selepas berlaku insiden.

10. Teknologi telematik bukanlah teknologi baharu. Teknologi ini telah pun diguna pakai oleh sebahagian pemain industri di Malaysia dan telah terbukti meningkatkan produktiviti dan mengurangkan kemalangan jalan raya bagi kenderaan perdagangan. Berdasarkan libat urus berterusan MOT bersama syarikat Minyak dan Gas (O&G), telematik yang merupakan sebahagian daripada *Fleet Management System* merupakan salah satu faktor utama industri ini berjaya mengurangkan kemalangan yang melibatkan kenderaan daripada industri ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

11. MOT telah melaksanakan *Proof of Concept* atau POC Sistem Telematik dalam tempoh 8 September 2025 hingga 8

Disember 2025 bagi menilai kesesuaian teknologi ini dalam memantau tingkah laku pemandu serta meningkatkan keselamatan operasi kenderaan perdagangan.

12. Dapatan utama POC menunjukkan bahawa teknologi telematik mampu menyokong pemantauan keselamatan operasi kenderaan perdagangan secara lebih komprehensif berbanding sistem GPS konvensional.

13. Fungsi sistem ini juga bukan sahaja penting kepada APAD sebagai agensi pelesenan, malah berpotensi keperluan agensi penguatkuasaan seperti JPJ dan PDRM.

14. Hari ini, saya ingin memaklumkan bahawa terdapat lima syarikat yang telah dikenal pasti bersedia untuk menawarkan perkhidmatan rintis telematik kepada operator dan pengendali kenderaan perdagangan di Malaysia. Syarikat tersebut adalah seperti berikut:

- (i) BSmart System Solution Sdn. Bhd.;
- (ii) Navipulse Sdn. Bhd.;
- (iii) MyLorry Technology Solutions Sdn. Bhd.;
- (iv) Theta Edge Berhad; dan
- (v) ANSA Digital Sdn. Bhd.

15. Lima syarikat ini telah terlibat dalam pelaksanaan POC dan telah memenuhi syarat minimum yang ditetapkan oleh MOT. Syarikat pengendali kenderaan perdagangan **digalakkan** untuk melanggan perkhidmatan telematik daripada syarikat-syarikat ini, berdasarkan kesesuaian keperluan operasi masing-masing.

16. Saya ingin menegaskan bahawa pengiktirafan ini bukan pelantikan eksklusif atau kelulusan mutlak Kerajaan terhadap mana-mana produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat penyedia sistem telematik.

17. Pengiktirafan ini adalah bersifat bersyarat dan tertakluk kepada pematuhan berterusan terhadap syarat minimum yang telah ditetapkan oleh MOT.

18. Pada masa yang sama, MOT juga mengambil maklum bahawa terdapat juga beberapa syarikat lain yang telah menyatakan minat untuk menawarkan perkhidmatan telematik kepada industri kenderaan perdagangan.

19. Syarikat-syarikat lain ini akan dinilai oleh Jawatankuasa Khas Sistem Telematik di peringkat MOT bagi memastikan mereka memenuhi syarat minimum kriteria teknikal yang sama sebelum boleh dipertimbangkan untuk pengiktirafan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

20. Pelaksanaan inisiatif ini akan dilaksanakan secara berfasa dan tersusun dengan mengambil kira *Practicality* pelaksanaan agar ianya tidak membebankan industri secara mengejut.

- (i) **Fasa Pertama, bagi tempoh 2026 hingga 2027**, ialah penggunaan sistem telematik secara sukarela dan advokasi kepada industri. Dalam tempoh ini, operator digalakkan menggunakan sistem telematik bagi memantau operasi kenderaan dan prestasi pemandu;
- (ii) **Fasa Kedua, pada tahun 2027**, ialah pembangunan Sistem Pangkalan Data Pemandu Kenderaan Perdagangan dan integrasi data telematik secara berpusat. Sistem ini akan membolehkan data prestasi pemandu dianalisis dengan lebih menyeluruh dan menyokong pembangunan *driver scorecard* yang lebih berkesan; dan
- (iii) **Fasa Ketiga, yang dicadangkan bermula pada tahun 2028**, ialah mempertimbangkan penggunaan sistem telematik sebagai salah satu syarat wajib pelesenan bagi kenderaan perdagangan, setelah

tahap kesiapsiagaan industri dan pembangunan sistem Kerajaan berada pada tahap yang memuaskan.

21. Pendekatan berfasa ini penting kerana Kerajaan tidak mahu melaksanakan dasar secara tergesa-gesa. Kita mahu membina ekosistem terlebih dahulu, memastikan industri bersedia, penyedia sistem mematuhi standard, dan sistem Kerajaan mampu menerima serta menganalisis data secara selamat dan berkesan.

22. Matlamat jangka panjang Kerajaan adalah jelas, iaitu supaya semua kenderaan perdagangan di Malaysia dilengkapi dengan sistem telematik. Ini akan membolehkan pemantauan keselamatan operasi kenderaan perdagangan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh, berterusan dan berasaskan data.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

23. Saya juga ingin menekankan bahawa data telematik bukan bertujuan menggantikan peranan penguatkuasaan JPJ atau PDRM. Sebaliknya, ia menjadi pelengkap kepada sistem sedia ada.

24. APAD boleh menggunakan data ini untuk memperkukuh pemantauan pematuhan operator di bawah kerangka

pelesenannya manakala JPJ dan PDRM boleh memanfaatkan analisis risiko bagi menyokong tindakan penguatkuasaan yang lebih bersasar. MIROS pula boleh menggunakan data ini dalam kajian keselamatan jalan raya dan perancangan intervensi yang lebih tepat.

25. Inilah pendekatan keselamatan jalan raya masa hadapan, yang berasaskan teknologi, data, pencegahan dan kerjasama seluruh ekosistem.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

26. Saya menyeru semua operator kenderaan perdagangan supaya tidak melihat telematik sebagai kos tambahan semata-mata. Ianya harus dilihat dari sudut pelaburan keselamatan kepada pemandu dan pengguna jalan raya yang lain serta membina reputasi industri yang lebih profesional.

27. Matlamat akhirnya adalah jelas: mengurangkan kemalangan, melindungi nyawa dan memastikan sektor pengangkutan perdagangan negara beroperasi dengan lebih selamat, cekap dan bertanggungjawab.

28. Saya percaya, dengan kerjasama semua pihak, inisiatif ini boleh menjadi satu anjakan penting dalam memperkukuh keselamatan jalan raya negara.

29. Dengan ini, sukacitanya saya merasmikan Inisiatif Telematik bagi Kenderaan Perdagangan.

Sekian, terima kasih!

[TAMAT]